Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Beberapa persatuan bersifat sosiobudaya dan politik ditubuhkan pada awal abad ke-20.

(*a*) Senaraikan **dua** persatuan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan tujuan penubuhan persatuan di 1(*a*).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah kegiatan berpersatuan dan badan beruniform di sekolah dapat menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

DILARANG MENULIS JAWAPAN DI RUANGAN INI

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

2 Jadual berikut berkaitan perjalanan rombongan ke London.

Tarikh	Peristiwa
1 Januari 1956	Menaiki kapal laut *MV Asia* berlepas dari Singapura ke Karachi, Pakistan.
14 Januari 1956	Rombongan sampai di London dari Karachi dengan menaiki kapal terbang.

(*a*) Namakan wakil yang terlibat dalam rombongan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(*b*) Apakah tujuan rombongan tersebut ke London?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(*c*) "Tujuan rombongan ke London patut menjadi iktibar dan pengajaran kepada semua rakyat untuk terus bersatu."

-Abdullah Ahmad Badawi,
Perdana Menteri

Sumber: Diubah suai daripada Berita Harian, 27 Julai 2006

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

DILARANG MENULIS JAWAPAN DI RUANGAN INI

3 Perlembagaan Malaysia dirangka lebih kurang sembilan tahun selepas Perisytiharan Hak-hak Asasi Manusia Sejagat 1948 diterima oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sumber: Abdul Aziz Bari, Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka 2003, hal.183

(*a*) Nyatakan **dua** kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan kebebasan asasi di 3(*a*).

(i) .....

.....

.....

(ii) .....

.....

.....

[4 *markah*]

RUANGAN INI MENGANDUNGI SOALAN DI RUANGAN INI

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

4 Maklumat berikut berkaitan usaha Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global.

- Dasar Alam Sekitar Negara 2002
- Persidangan Alam Sekitar di Bali, 2007

(*a*) Nyatakan usaha lain yang dilakukan oleh Malaysia dalam memastikan pemeliharaan alam sekitar.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah Malaysia bersama-sama Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) berperanan dalam menangani isu jerebu?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

(*c*) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Isu penjagaan sungai bukan hanya terletak di bahu jabatan kerajaan sahaja, sebaliknya adalah tanggungjawab semua pihak dalam kalangan masyarakat.
>
> Sumber: Berita Harian, 9 Oktober 2023

Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

DILARANG MENULIS JAWAPAN DI RUANGAN INI

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

Bahagian B

[60 *markah*]

Jawab mana-mana **tiga** *soalan daripada bahagian ini.*

Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di halaman 13 hingga halaman 24.

5 (*a*) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu berikut:

(i) Raja [3 *markah*]

(ii) Rakyat [3 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah Hukum Kanun Melaka dalam Kerajaan Melayu Melaka berfungsi? [6 *markah*]

(*c*) Baca petikan berikut.

> Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia.
>
> Antara matlamat Rukun Negara ialah mewujudkan masyarakat Malaysia ke arah mencapai perpaduan lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.
>
> Bagi mencapai matlamat ini, digariskan lima prinsip Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati setiap lapisan masyarakat. Satu daripadanya adalah Keluhuran Perlembagaan.
>
> Sumber: Diubah suai daripada www.bharian.com.my, 9 Januari 2021

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 *markah*]

 © 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

6 Sarawak dan Sabah diserahkan kepada British selepas Perang Dunia Kedua.

(*a*) Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British. [6 *markah*]

(*b*) Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British sebagai tanah jajahan pada 26 Jun 1946.

Mengapakah penduduk Sabah tidak menentang penyerahan tersebut?

[6 *markah*]

(*c*) Baca warkah berikut.

> Saya Rosli Dhoby tidak lama lagi akan meninggalkan jejak tanah tumpah darahku yang kucintai, dan utama sekali ayah ibu yang kukasihi dan saudara semua.
>
> Saya memohon ampun dan maaf atas kesalahan saya yang telah terjadi selama ini, saya sanggup berkorban nyawa untuk memperbaiki rakyat yang telah ditindas oleh penjajah, saya mengaku dan terima apa-apa kesalahan di dunia ini. Saya tidak gentar, saya tidak takut mati dan saya terima hukuman yang telah di jatuhkan oleh mahkamah.
>
> Saya berharap saudara saudari di akhir kelak balik ke pangkuan ibu pertiwi. Sungguh begitu saya sudah sanggup menghapuskan orang asing tetapi saya sudah tidak ada di dunia ini nama saya tetap harum seluruh dunia segenap pelusuk dunia. Akhir kata, saudara saudari berjuanglah, jangan mundur dan majulah ke hadapan.
>
> Ditulis pada 1 Mac 1950
> Saya akan meninggalkan dunia yang indah ini, Rosli Dhoby.
>
> Sumber: Diubah suai daripada www.ummahtoday.com.my

Huraikan mesej yang terkandung dalam warkah tersebut. [8 *markah*]

DILARANG MENULIS JAWAPAN DI RUANGAN INI

© 2025 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

8 Jadual berikut berkaitan dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional dalam menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia.

Tahun	Kadar Kemiskinan(%)
1970	49.3
1990	19.1
2000	7.2

Sumber: https://www.pmo.gov.my

(*a*) Jelaskan usaha kerajaan dalam memastikan penurunan kadar kemiskinan tersebut. [6 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat. [6 *markah*]

(*c*) Teliti poster berikut.



Ulaskan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut. [8 *markah*]

DILARANG MENULIS JAWAPAN DI RUANGAN INI

Suka sampel ini?

Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek SPM 2025

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta